

D670

U 8882 DEB

MAHATHIR - PERPADUAN

KUALA BESUT, 15 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI JIKA USAHA-USAHA MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI DIBIARKAN KUASA ORANG MELAYU SEBAGAI TERAJU PEMERINTAH DI NEGARA INI MUNGKIN TERLUCUT.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN PERPADUAN UMMAH YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 12,000 ORANG DI KAMPUNG AYER TAWAR DEKAT SINI, KATANYA +APA YANG BERLAKU DI ASIA BARAT MUNGKIN TERJADI DI NEGARA INI JIKA USAHA-USAHA MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN ITU BERJAYA+.

KATANYA, KUASA DAN KEUTUHAN UMNO YANG WUJUD KERANA PERPADUAN AKAN MENJADI LEMAH DAN INI MESTI DIELAKKAN DARIPADA BERLAKU JIKA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK MAHU SESAL DI KEMUDIAN HARI.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ISLAM DI ASIA BARAT MENJADI BEGITU LEMAH KERANA TIDAK ADA PERPADUAN DAN SEKIRANYA SEBUAH NEGARA MENUNJUKKAN PENDIRIAN TEGASNYA TERHADAP ISRAEL, YANG LAIN MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI MASALAH.

KATANYA, ISRAEL YANG MEMPUNYAI HANYA TIGA JUTA PENDUDUK MENJADI BEGITU ANGKUH KERANA UMAT ISLAM SERAMAI 90 JUTA DI ASIA BARAT TIDAK DAPAT MENGALAHKAN MEREKA. -- LAGI
2050MST 15 08 85

D672

U 8883 DEB

MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA BESUT

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN ADA PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM TETAPI NEGARA-NEGARA ANGGOTA TIDAK DAPAT Mencari kata sepakat kerana mereka lebih mengutamakan peperangan semasa mereka daripada bersatu-padu.

DI LUBNAN SENDIRI PERTUMPAHAN DARAH ANTARA PUAK DRUZE DENGAN MAZHAB SYIAH DAN ANTARA MAZHAB SYIAH DENGAN SUNNI MASIH BERTERUSAN.

MALANGNYA APA YANG BERLAKU DI ASIA BARAT TIDAK DIJADIKAN SEBAGAI PENGAJARAN, MALAHAN ADA GOLONGAN DI NEGARA INI YANG BERGERAK KE ARAH MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN UMMAH

KATANYA TIDAK ADA AYAT AL-QURAN DAN HADITH YANG MENYERU UMAT ISLAM KE JALAN PERPECAHAN MELAINKAN MENYERU UMAT ISLAM BERPEGANG TEGUH KEPADA TALI ALLAH.

RAKYAT HENDAKLAH MERENUNG BALIK KEPADA KEUTUHAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU YANG DAPAT MENUNDUKKAN PEJAJAH YANG CUBA HENDAK MENUBUHKAN MALAYAN UNION, TEGASNYA. -- LAGI
2055MST 15 08 85

D686

U 8886 DEB

MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA BESUT

PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA ITU KEBANYAKAN ORANG MELAYU TIDAK BERPENDIDIKAN TINGGI, MISKIN DAN TIADA SENJATA TETAPI DAPAT MEMAKSA +WHITE HALL+ MEMBATALKAN RANCANGANNYA ITU.

MENURUT BELIAU, SENJATA ORANG-ORANG MELAYU PADA MASA ITU, +KESEDARAN DAN PERPADUAN+ TELAH DAPAT MEMATAHKAN HASRAT PENJAJAH BRITISH PADA MASA ITU YANG MEMPUNYAI KUASA POLITIK DAN BARU SAHAJA MENANG PERANG.

BELIAU BERKATA UMNO SEDIA MENERIMA GOLONGAN YANG INGIN MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN ITU JIKA MEREKA SANGGUP MEMBUANG NIAT BURUK MEREKA ITU.

MALANGNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, USAHA MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT TERGANGGU KERANA KERAJAAN TERPAKSA MENCATAT